

**MUHAMAD TAKIYUDDIN** Ismail

Universiti Kebangsaan Malaysia

## **KEJATUHAN UMNO DALAM PILIHAN RAYA UMUM KE-14: ANALISIS PENGAJARAN POLITIK**

### ***THE FALL OF UMNO IN THE 14<sup>TH</sup> GENERAL ELECTION: AN ANALYSIS OF POLITICAL LEARNING***

*Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) menyaksikan UMNO yang merupakan antara rejim parti dominan terunggul di dunia tumbang. Artikel ini menganalisis kronologi kejatuhan UMNO dalam konteks pengajaran politik. Ia menghujahkan bahawa kesemua sebab yang dilaporkan menyumbang kepada kekalahan UMNO pada PRU-14 telah diperkatakan lebih awal sejak tahun 1999. Sebagai parti dominan yang mengalami kejatuhan yang paling lewat, UMNO telah dibentangkan dengan berbagai pembelajaran dan pengajaran politik dari kejatuhan parti-parti dominan sebelumnya. Khusus dalam hubungan ini ialah kejatuhan sebuah lagi parti konservatif terbesar iaitu LDP Jepun pada 2009 yang begitu menggusarkan UMNO. Walaupun UMNO sememangnya memaklumi dan mengambil perhatian terhadap nasib dan halatuju yang menimpa parti-parti dominan yang telah keluar dari kekuasaan, penimbaan pengajaran politik ini seringkali diaplikasikan secara sempit dan hanya cenderung dilontarkan sebagai kegunaan umum (public consumption). Kesenjangan antara pengajaran sebenar dan pengajaran berbentuk artifisial ini dihujahkan menyumbang terhadap kekalahan yang tidak dijangkakan dalam PRU-14.*

**Kata kunci:** Pilihan Raya Umum Ke-14, UMNO, parti dominan, pengajaran politik, LDP

*UMNO, one of the longest standing dominant-party regimes in the world, was brought to its knees in the historic Malaysian 14<sup>th</sup> General Election (GE14). This article analyses the chronology that led UMNO to its defeat in the context of political learning. It argues that each cause presented as contributing factor to its fall in GE14 have already been repeatedly mentioned since 1999. As a long-surviving dominant party, UMNO had the opportunity to learn from numerous defeats of other dominant parties. One of the closest examples, which struck a chord with UMNO, was the defeat of the prominent conservative party in Japan, LDP, in 2009. While UMNO itself acknowledged the causal effects that led to the ousting of regimes similar to itself,*

*UMNO remained oblivious in its domestic approach by narrowly adopting and applying these lessons only for the purpose of public consumption, instead of for its own internal reform. The gap between actual and artificial lessons in UMNO's method of political learning arguably became a factor in its unexpected defeat in GE14.*

**Keywords:** 14th General Election, UMNO, dominant party, political learning, LDP

## Pengenalan

Biarpun merupakan parti tunggal yang memenangi kerusi terbanyak dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) iaitu dengan 54 kerusi, UMNO dilorongkan jalan keluar dari kekuasaan apabila gabungan pakatan pemerintah yang diketuainya, Barisan Nasional (BN) gagal meraih majoriti mudah sebanyak 112 dari 222 kerusi Parlimen yang dipertandingkan. Penurunan daripada 88 kerusi yang dimenangnya dalam PRU-13 merupakan mesej jelas mengenai defisit kepercayaan yang dihadapi UMNO. Selain dari turut kehilangan kuasa di negeri-negeri yang sebelumnya dilihat kebal seperti Johor, Melaka dan Negeri Sembilan, 26 dari 52 kerusi Parlimen yang mempunyai penempatan FELDA – yang umumnya dilihat dekat UMNO - turut jatuh ke tangan Pakatan Harapan (PH) dan PAS.<sup>1</sup> Analisis juga mendapati bahawa dari 54 kerusi yang dimenangi, hanya lapan kerusi dimenangi UMNO dengan majoriti mudah manakala 41 lagi kerusi dimenangi hanya kerana berlakunya perpecahan undi.<sup>2</sup>

Dengan keputusan ini, hasrat Perdana Menteri sebelumnya, Najib Razak untuk menjadikan UMNO terus berkuasa untuk seribu tahun lagi terpadam jauh lebih awal.<sup>3</sup> UMNO menuruti jejak langkah parti-parti dominan yang lebih awal jatuh dari tampuk kekuasaan seperti Parti Kuomintang Taiwan (KMT), Parti Liberal Demokratik (LDP) Jepun dan Institutional Revolutionary Party (PRI) di Mexico. Parti-parti dominan seperti yang diamati oleh Maurice Duverger seringkali bergelumbang “*the seeds of its own destruction*” iaitu penyakit tua dengan “*wears itself out in office, its loses its vigour, its arteries harden*”.<sup>4</sup> Biarpun isyarat awal terhadap kejatuhan ini telah berlaku semenjak PRU-10 1999, UMNO membiarkan parti tersebut terus beroperasi dalam kerangka politik lama. Dengan kata lain, dalam tempoh 20 tahun selepas era reformasi 1998, perubahan fundamental tidak berlaku kerana keberatan parti konservatif tersebut mengaplikasikan konsep pengajaran dan pembelajaran politik.

Artikel yang disiapkan menerusi sumber kualitatif dan kajian lapangan ini menumpukan kepada UMNO sebagai subjek perbincangan dalam konteks PRU-14. Ia menghujahkan bahawa kesemua sebab yang telah dilaporkan menyumbang kepada kekalahan UMNO pada PRU-14 telah diperkatakan lebih

awal sejak tahun 1999. Antaranya meliputi hubungan politik dan perniagaan, politik wang, keangkuhan kuasa dan bersifat elit, terpisah dari massa, dikuasai panglima akar umbi, reformasi yang tidak konsisten, terlalu berpaut pada sentimental, ketidakwujudan sayap demokratik, kepercayaan melampau terhadap politik pembangunan, penyandaran kuat pada isu kaum dan agama serta memandang ringan kemampuan rakyat melakukan perubahan dengan aman. Dengan kata lain, sebagai parti dominan yang mengalami kejatuhan yang paling lewat, UMNO telah dibentangkan dengan berbagai pengajaran politik dari kejatuhan parti-parti dominan sebelumnya. Khusus dalam hubungan ini ialah kejatuhan LDP Jepun pada 2009 yang begitu mengkusarkan UMNO. Namun penimbaan pembelajaran dan pengajaran politik ini seringkali diaplikasikan secara sempit dan hanya cenderung dilontarkan sebagai kegunaan umum (*public consumption*).

### **Pengajaran dan Pembelajaran Politik dalam Adaptasi Parti Dominan**

Takrifan pengajaran sering dimainkan apabila berlakunya sesuatu krisis dan kegagalan kerana tanggapan bahawa manusia seringkali belajar dari keadaan tersebut dalam usaha untuk tidak mengulangnya. Seperti kata budiman, tidak ada guru yang lebih penting dari pengalaman sama ada melalui pengalaman sendiri atau pun pihak-pihak lain yang berada dekat dengan pihak tersebut. Apalagi jika pihak yang kalah itu kemudiannya bangun dari kekalahan tersebut dan memenangi sekali lagi sesuatu pertandingan dengan memperbaiki semula kelemahan yang menyumbang terhadap kekalahan sebelumnya. Jika seseorang itu tidak pernah tewas, beliau tidak akan dapat menimba sebarang pengalaman dan gagal melihat di mana kepincangan dirinya. Dengan itu, sentiasa berada dalam kemenangan merupakan keadaan yang berbahaya kerana ia meletakkan seseorang untuk sentiasa berada dalam zon selesa sepanjang masa.

Walaupun petikan-petikan seperti ini adalah agak klise apabila diperkatakan dalam konteks persaingan akademik, pertandingan sukan dan mungkin juga peperangan, satu lagi rujukan paling baik bagi mengaplikasikan perkara ini ialah dengan melihat trajektori parti-parti dominan di dunia. Setiap parti dominan yang pernah kalah akan melakukan adaptasi atau transformasi dalam mengelakkan ia kalah.<sup>5</sup> Parti yang dinamik akan sentiasa belajar dan ini membolehkan mereka berkuasa semula mengambil beberapa contoh parti dominan popular seperti KMT, Parti Kongres India (PKI), PRI dan LDP Jepun. Nancy Bermeo mendefinisikan pembelajaran politik sebagai “*the process through which people modify their political beliefs and tactics as a result of severe crises, frustrations, and dramatic changes in the environment*”. Menurutnya, krisis seringkali memaksa manusia untuk menilai semula idea yang telah digunakan mereka sebagai panduan di masa lalu.<sup>6</sup> Kajian berhubung pembelajaran politik bagaimanapun bukan menjadi satu subjek yang popular melainkan dalam konteks pengajian hubungan antarabangsa di

Amerika Syarikat (AS). Konsep pembelajaran politik dibangunkan beberapa sarjana bagi melihat bagaimana pembuat keputusan di AS belajar dari sejarah dalam mbingkaikan polisi kontemporari dan masa hadapan. Dua pengkaji pendahulu dalam disiplin ini ialah Ernest May (1973)<sup>7</sup> dan Robert Jervis (1976).<sup>8</sup> Kajian kedua-dua mereka banyak menunjukkan bagaimana sejarah antarabangsa bertindak sebagai sumber penting bagi golongan yang berkuasa khususnya dalam waktu krisis. Dengan itu, penggubal polisi seringkali dipengaruhi oleh sejarah dan akan melakukan deduksi analogi dari masa silam dalam meramal dan menggubal polisi kini dan masa hadapan. Sebagai contoh, dalam menghadapi peristiwa 9/11 dan Perang Iraq pada 2003, pentadbiran George W. Bush terpaksa merujuk krisis-krisis lepas yang dihadapi AS bagi membantu pentafsiran mengenai peristiwa yang luar biasa itu (lihat Hemmer 2007). Justeru, adalah dapat difahami bahawa penggunaan pengajaran politik lepas dianggap lebih penting diaplikasikan dalam situasi asli atau kritikal yang tidak mempunyai sebarang duluan sebagai panduan.<sup>9</sup>

Bagaimanapun, aplikasi pengalaman sejarah dan penaakulan analogi ini seringkali digunakan secara lemah oleh penggubal polisi. Antara kesilapan-kesilapan yang dikesan dalam proses ini ialah penggunaan analogi yang terkeluar dari konteks sebenar, tidak memberi perhatian terhadap kejadian yang sebenar-benarnya, pengajaran yang terlalu digeneralisasi, kecenderungan untuk mbingkaikan pengajaran berdasarkan tanggapan pertama, memberatkan pengalaman peribadi dan salah mengaplikasikan pengajaran. Kecenderungan-kecenderungan ini seringkali menyebabkan penggubal polisi mentafsirkan keadaan yang salah berikutan gagal mentafsirkan apa yang sebenar-benarnya berlaku dari sesuatu peristiwa. Hal inilah yang menyebabkan sarjana seperti Schlesinger terpaksa melakukan pengubahsuaian terhadap ungkapan terkenal Santayana bahawa *“too often it is those who can remember the past who are condemned to repeat it”*.<sup>10</sup> Bagi menjelaskan lagi perkara ini, analisis seterusnya akan melihat aplikasi pengajaran dan pembelajaran politik yang dipraktikkan UMNO semenjak PRU-10 1999.

## **UMNO Pasca PRU-10 1999**

Isu pemecatan Anwar Ibrahim dan gerakan reformasi yang dicituskan oleh mantan Timbalan Perdana Menteri ini telah memberi kesan yang cukup besar kepada UMNO dalam PRU-10. Hal ini telah dieksploitasi oleh parti-parti pembangkang untuk bersatu dalam Barisan Alternatif dalam menghadapi BN pada PRU tersebut. Keputusan PRU-10 menunjukkan kemerosotan undi dan bilangan kerusi BN berbanding PRU-9 pada 1995 apabila hanya berjaya memenangi 148 kerusi daripada 193 kerusi yang dipertandingkan. Terengganu pula berjaya ditawan oleh PAS yang turut mengekalkan pemerintahannya di Kelantan. Sokongan kepada parti pembangkang juga kelihatan jelas di beberapa negeri. Era politik baharu mula mengambil tempat dan menyaksikan

hegemoni BN mula terjejas.<sup>11</sup>

Keputusan PRU-10 yang mengejutkan malangnya tidak diambil pengajaran oleh Presiden UMNO ketika itu, Mahathir Mohamad yang masih enggan melakukan reformasi dan mengetatkan ruang terhadap demokrasi dan peluang pertandingan dalam parti.<sup>12</sup> Seperti yang dirumuskan oleh Shamsul Amri Baharuddin pada ketika itu, UMNO seharusnya memulakan proses “*change substantially, actually reform*” tetapi “*they don't know how*”.<sup>13</sup> Kecenderungan ini juga boleh diamati menerusi kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO selepas itu. Ucapan beberapa perwakilan dalam Perhimpunan Agung UMNO pada Mei 2000 jelas menggambarkan sentimen untuk terus kekal dengan kaedah lama. Dalam mengulas keputusan mengejut PRU-10, wakil Kelantan, Annuar Musa menggesa agar UMNO mengutamakan kekuatan parti berbanding kerajaan kerana kaedah itulah yang akan menjamin kerajaan yang kuat. Jika parti lemah, maka UMNO menurutnya boleh jatuh seperti LDP dan Golkar. Antara yang dicadangkan Annuar Musa ialah melaksanakan konsep parti menguasai kerajaan.<sup>14</sup> Turut menyuarakan cadangan yang serupa ialah wakil Selangor, Noh Omar. Beliau mengingatkan delegasi mengenai pengajaran yang boleh direnungi dari kekalahan PKI dan LDP. Baginya, walaupun parti-parti ini ditolak oleh rakyat, Perdana Menteri masih dipegang oleh kaum India dan Jepun. Tetapi bagi Noh, keadaan tidak sama bagi UMNO kerana jika ia jatuh dari kuasa, tidak ada jaminan bahawa jawatan Perdana Menteri akan terus dipegang oleh orang Melayu.<sup>15</sup>

Dalam tempoh ini, jika ada pengajaran yang boleh diaplikasikan oleh Mahathir ketika itu ialah dengan melihat kepada perkembangan yang berlaku di Jepun. Pada April 2001, Jepun menerima Perdana Menteri dari LDP yang relatifnya muda dan berfikiran reformis, Junichiro Koizumi. Koizumi bukan sahaja menggantungkan kepercayaan kepada sekumpulan ahli politik muda LDP yang berpendidikan baik dan progresif untuk membawa misi reformasinya tetapi juga berikrar untuk “*merubah LDP*” yang seterusnya akan “*merubah Jepun*”. Malah tokoh konservatif penting LDP, Shintaro Ishihara yang merupakan rakan rapat Mahathir membuat pendirian mengejutkan dengan mengambil keputusan menyokong usaha yang ingin dilakukan Koizumi. Baginya; “*The LDP is like the Soviet Communist Party on the eve of the country's disintegration. It must be destroyed...The [Old Guard] won't do it, so it's up to younger politicians to lead the revolution*”.<sup>16</sup>

## UMNO Pasca PRU-11 2004

Tirai peralihan kuasa dari Mahathir ke Abdullah Ahmad Badawi pada 2003 dibuka dengan peringatan Aziz Ishak, wartawan akhbar perdana Melayu yang dikuasai kepentingan UMNO, *Utusan Malaysia*. Menurutny, tahun 2003 adalah penentuan terbesar bagi UMNO jika berlaku PRU. Beliau mengingatkan

bahawa sebagai parti yang telah melepasi satu pusingan jangka hayat iaitu 50 tahun, UMNO berdepan dengan risiko kehilangan kuasa sebagaimana parti-parti yang lama memerintah seperti PKI, Golkar, KMT dan LDP. Baginya, cabaran bagi parti yang lama memerintah ialah rasa selesa yang melanda ahli-ahli dan kurang daya juang selain persepsi rakyat yang mudah tertarik kepada membuka parti alternatif.<sup>17</sup> Sentimen kejumudan yang dirasai Aziz turut dikongsi oleh Abdullah yang pada ketika itu sedang menunggu masa untuk ditabal sebagai PM baru. Malah, Abdullah merupakan antara tokoh yang kerap merujuk kepada nasib LDP dalam karier politiknya. Dalam temubualnya bersama akhbar *Utusan Malaysia* pada Oktober 1993 iaitu selepas empat bulan LDP tewas buat pertama kalinya, beliau telah memperingatkan nasib yang menimpa LDP boleh menimpa UMNO jika ia terus terjebak dengan skandal, politik wang dan mencampur-adukkan hubungan politik dan perniagaan.<sup>18</sup> Lima bulan sebelum beliau menjadi PM, Abdullah sekali lagi mengingatkan UMNO bahawa “*failure to learn from history may mean repeating past mistakes*”. UMNO menurut Abdullah perlu mengambil iktibar dari beberapa kejatuhan parti dominan seperti PKI, KMT dan LDP. Dalam kes LDP, Abdullah melihat:

*The Liberal Democratic Party (LDP) has been the dominant party in modern Japan. Under the LDP, Japan emerged as the second most powerful economy in the world, leading the way in innovation and technological advancement. Corruption scandals that began in the 1970s and 1980s led to the LDP's first loss of a parliamentary majority in 1993, after 38 years of dominance. Apart from corruption, the LDP was seen as a party that was long controlled by kingmakers and power brokers. To its good fortune, although not as commanding as in the past, the LDP has regained power due to the lack of opposition presented by other parties.*<sup>19</sup>

Justeru, apabila dilantik sebagai PM pada Oktober 2003, Abdullah melakukan *de-Mahathirisation*. Beliau berikrar untuk membanteras rasuah dan meningkatkan ketelusan kerajaan, memperbaiki prinsip semak dan imbang, memperkenalkan laluan sederhana dalam hubungan perkauman menerusi gagasan Islam Hadhari yang progresif, membatalkan beberapa projek mega kerajaan dan ikrar untuk memperbaiki sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat. Janji-janji ini menyebabkan rakyat memberikan kemenangan gemilang pada beliau dalam PRU-11 yang diadakan pada Mac 2004. Beliau juga membawa tenaga muda bagi membantu pentadbirannya diketuai menantunya, Khairy Jamaluddin.<sup>20</sup> Dengan kata lain, Abdullah seakan-akan mengambil inspirasi dari apa yang dilakukan Koizumi. Namun Abdullah juga turut telah diingatkan bahawa usahanya membawa perubahan ke dalam UMNO adalah bermasalah kerana struktur kuasanya. Wartawan bebas berpengaruh, M.G.G Pillai contohnya telah menghujahkan bahawa sebaik Mahathir berundur,

panglima akar umbi UMNO yang mula membina kekuasaan pada era Mahathir akan mendatangkan masalah pada Abdullah. Bagi Pillai:

*UMNO could only survive if the warlords make deals to elect the new president. The Liberal Democratic Party of Japan survived in power as long as it did by this gathering of warlords to elect one amongst them leader, and therefore Prime Minister. UMNO is like the LDP. If it does not choose its leaders consensually, it heads for choppy waters.<sup>21</sup>*

Telahan Pillai menjadi ramalan tidak lama selepas PRU-11 apabila kebanyakan reformasi yang cuba dilaksanakan Abdullah menerima tentangan dari UMNO seperti penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salahlaku Polis (IPCMC), perang terhadap politik wang dan dasar keterbukaan. Lebih mengecewakan apabila Abdullah sendiri banyak beralah dalam tentangan tersebut dan tidak cuba melawan. Memburukkan keadaan ialah kritikan Mahathir sejak 2006 terhadap kepimpinannya dan menjadikan Abdullah seperti hilang kawalan. Pada April 2007, tokoh DAP, Lim Kit Siang menulis bahawa:

*When [Abdullah] won the last election, I thought at the time that he had a lot of similarity with Japan former Prime Minister Junichiro Koizumi. Koizumi was elected on massive public support for his political reform against the will of his own ruling party, LDP, which like UMNO, has been the ruling party of Japan since the World War 2. He promised to fight against money politic, construction industry pump-priming that helps its owned supporters etc. During his time at the office, he faced much resistance from its own party but he always managed to “go to the people” and even threaten to campaign against his own party. Japanese people were charmed and re-elected him again with another landslide.<sup>22</sup>*

Steven Gan, ketua editor media bebas berpengaruh, *Malaysiakini*, juga menulis pada November 2007 yang:

*When he moved into his official resident, Seri Perdana, four years ago, Abdullah might have hoped to emulate Junichiro Koizumi - the maverick Japanese leader who led his party to one of the biggest electoral victories in the nation's history and decisively sacked party leaders who opposed his reforms. But he is no Koizumi. Clearly, Abdullah is stumped by his inability to galvanise his own party, let alone the nation.<sup>23</sup>*

Pada 8 Mac 2008, pengundi yang memberikan kepercayaan pada Abdullah pada 2004 akhirnya menghukum semula Abdullah dengan memberikan tsunami politik yang terbesar dalam sejarah BN. Selain dari menafikan



majoriti dua pertiga BN, Pakatan Rakyat juga berjaya menguasai empat negeri baru. Ironinya, sebelum berlangsungnya PRU-12, sekumpulan sarjana yang mengkaji mengenai parti dominan telah pun memperingatkan bahawa cabaran utama bagi parti-parti seperti UMNO ialah kesanggupan mereka belajar untuk kalah. Mauzy dan Barter yang menulis mengenai UMNO menghujahkan bahawa memandangkan dominasi UMNO tidak pernah dicabar dengan serius sejak sekian lama, maka ia tidak pernah merasai pengalaman sebuah ketewasan.<sup>24</sup> Walaupun masih memenangi PRU-12, PRU tersebut didapati telah menginstitusikan mentaliti tewas dalam UMNO dan BN.

## UMNO Pasca PRU-12 2008

Dalam sidang media pertamanya selepas PRU-12, Abdullah mengatakan:

*We must learn from this. I have always believed there are lessons to learn. Even in the worst of tragedies, there are lessons to be learned. I'm not a stubborn person who will not learn from lessons in life, even when these are associated with my career and my work.*<sup>25</sup>

Sejajar dengan iltizamnya tersebut, Abdullah mengemudi semula reformasi yang telah terencat di pertengahan jalan. Beliau melaksanakan pembayaran ganti rugi terhadap hakim-hakim yang dipecat dalam krisis kehakiman 1988 di bawah era Mahathir, membawa masuk suara-suara kritikal seperti Zaid Ibrahim, Shahrir Samad dan Saifuddin Abdullah ke dalam kabinet dan berikrar melaksanakan dua reformasi institusi terakhirnya iaitu penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan juga Suruhanjaya Perlantikan Kehakiman (JAC). Namun dalam saat Abdullah sendiri sudah menjadi *lame-duck*, panglima akar umbi UMNO dengan mudah melunakkan dua reformasi institusi terakhir ini dengan menjadikannya sebagai kurang bertaring. Lebih penting, golongan konservatif yang diketuai oleh Muhyiddin Yasin dan mendapat sokongan Mahathir berulang kali mendesak dengan terbuka agar Abdullah meletakkan jawatan tanpa perlu menunggu lebih lama. Akhirnya, Abdullah pada 4 April 2009 meletakkan jawatan sebagai PM Malaysia yang paling singkat.<sup>26</sup> Rumusan paling baik bagi menggambarkan kepemimpinan Abdullah ialah melalui editorial akhbar Cina utama Malaysia, *Sin Chew* bahawa: “*He should look pass Umno and go to the people. The people would back him and the result would be different*”.<sup>27</sup>

Pada ketika ini, UMNO juga berhadapan dengan pemilihan bagi memilih barisan kepimpinan baru. Hampir kesemua calon yang menawarkan diri untuk bertanding menyandarkan kempen mereka atas mantra perubahan. Gesaan yang meluas terancang ialah kewajipan untuk UMNO melakukan perubahan atau akan diubah oleh rakyat. Namun seperti yang diamati oleh Khairy pada ketika itu, tidak ada yang bercakap bahawa reformasi yang



sebenarnya turut meliputi “*getting rid of the power and control mindset..., reforming governance institutions and amend oppressive legislation.*”<sup>28</sup> Turut diketepikan ialah pandangan bekas Timbalan Perdana Menteri, Musa Hitam yang menyifatkan UMNO sedang berhadapan dengan penyakit tua dan perlu diambilalih sepenuhnya oleh golongan muda.<sup>29</sup> Dalam Perhimpunan Agung UMNO Mac 2009, tidak ada sebarang petanda bahawa perubahan yang diimpikan UMNO ialah berbentuk progresif tetapi berbentuk retrogresif. Selain barisan kepimpinan yang masih dibarisi suara status-quo, perwakilan turut menempelak dasar keterbukaan yang diinginkan Abdullah dan menginginkan UMNO agar kembali ke era Mahathir yang ditandakan dengan kawalan yang menyeluruh dan penguasaan kerajaan oleh parti. Biarpun Abdullah mengingatkan yang kembali ke jalan lama hanya akan mempercepatkan kekalahan UMNO, gesaan tersebut kelihatan dipandang sepi oleh perwakilan.<sup>30</sup>

### **UMNO dalam era Najib Razak serta PRU-13 2013**

Najib Razak yang mengambilalih kepimpinan dari Abdullah Badawi pada April 2009 mengisytiharkan bahawa era kerajaan tahu yang terbaik serta kawalan keterlaluan telah berakhir.<sup>31</sup> Ia merupakan indikasi jelas bahawa BN-UMNO tidak lagi boleh berpaut pada kaedah lama untuk kekal berkuasa. Hanya lima bulan selepas Najib berada dalam tampuk kuasa, UMNO bagaimanapun tersentak dengan kejatuhan mutlak LDP di Jepun pada 30 Ogos 2009. Pada minggu pertama selepas kejatuhan LDP, pemerhati dari kedua-dua blok pemerintah dan pembangkang terus menerus membanding dan bertanyakan sama ada UMNO akan menyusuli LDP sebagai parti dominan yang akan terkeluar dari kuasa. Agensi berita antarabangsa seperti Kyodo News International juga membuat liputan analisis berhubung perkara yang sama.<sup>32</sup>

Sebagai PM, Najib merupakan pemimpin yang didapati paling terkesan dengan kekalahan LDP dan berulang kali menyentuh perkara ini dalam ucapan dan temu bualnya. Empat bulan setelah LDP tewas, Najib mengimbas perbualannya dengan PM baru Jepun, Yukio Hatoyama:

*I asked [PM from DPJ] Mr Hatoyama how his party had succeeded in defeating the LDP, and his brief reply was that the LDP was no longer close to the people, they could no longer feel the pulse of the people, and did not understand the wishes and aspirations of the people.*<sup>33</sup>

Pada sambutan ulangtahun UMNO ke-64 yang diadakan pada 11 Mei 2010, UMNO turut menjemput bekas ahli LDP Jepun yang menyertai DPJ, Kotaro Tamura.<sup>34</sup> Dalam ucapan Najib pada 11 Mei, Najib mengingatkan UMNO mengenai tiga sebab yang harus diinsafi dalam membawa kejatuhan LDP seperti yang telah dinyatakan Tamura iaitu:

*There were too many factions in the LDP, to the point that the factions were more important than the party. They also prioritised special interest groups over the people., Although it initiated reform, it did not have the political will to continue the process and returned to its comfort zone and status quo.*<sup>35</sup>

Dalam Perhimpunan Agung UMNO yang berlangsung pada Oktober 2010, pengajaran dari kejatuhan LDP turut disentuh lagi oleh Najib. Dalam mencadangkan satu Model Politik Baru, Najib menyifatkan yang strategi politik pembangunan tidak lagi berkesan untuk dipraktikkan pada waktu ini. Beliau menambah lagi: “Saya kira mengapa orang menolak parti-parti yang banyak berjasa dahulu kerana parti itu tidak berubah. Parti itu dilihat sebagai kaku dan tidak dinamik. Mereka tidak berubah mengikut masa”.<sup>36</sup> Sebulan selepasnya, Najib menyentuh lagi yang LDP Jepun tewas kerana parti itu “*were more concerned with concrete ... with buildings, with infrastructure*” dan mengingatkan supaya parti-parti komponen BN berkhidmat untuk rakyat.<sup>37</sup> Setahun kemudiannya iaitu menjelang Perhimpunan Agung UMNO pada 2011, Najib menggesa UMNO agar melakukan transformasi di peringkat masing-masing. Tegasnya:

*Party divisions and branches should reflect the new political culture, one that is not too engrossed in intra-politics, and one that also looks into the interests of communities outside the party so that they too support the party. If we're still in the old mode of thinking, we'll face the same fate as other old parties like the LDP (Liberal Democratic Party of Japan), Golkar (Indonesia) and Congress (Indian National Congress). These are parties which had struggled for independence, which had done a lot of good deeds.*<sup>38</sup>

Namun, analisis lebih mendalam menyarankan bahawa kesemua peringatan tidak lebih digunakan sebagai satu kegunaan umum. Dalam satu pendedahan yang tidak pernah dikemukakan oleh media Malaysia, ahli politik kanan LDP Jepun, Taro Kono mendedahkan pertemuannya dengan Ketua Penerangan UMNO, Ahmad Maslan pada 2010:

Saya memberitahu kepada [Ahmad Maslan] bahawa penyelidikan supaya tidak akan dikalahkan adalah penting, tetapi persediaan untuk membolehkan perubahan rejim dengan lancar semasa dikalahkan adalah lebih penting. Ini kerana pentadbiran jangka panjang mesti akan tamat pada suatu hari nanti, seperti LDP Jepun, PRI Mexico dan juga Parti Komunis Eropah Timur. Ia tidak boleh dilengah-lengahkan selama-lamanya walaupun parti itu dapat menanggukannya. Saya memberi nasihat bahawa persediaan untuk masa tamat itu adalah

sangat penting. Walaupun sekali dikalahkan, elok dengan membina semula dengan kemas, dan ia membawa keuntungan kepada negara. Saya rasa beliau tidak berapa menyokong idea ini (2010) (terjemahan bebas).<sup>39</sup>

Tidak kurang juga banyak pemimpin UMNO mengambil pengajaran mengenai kekalahan LDP dalam bentuk yang selektif, secara permukaan dan lebih buruk, menjadikan ia sebagai satu bentuk politik ketakutan. Selepas lima hari kejatuhan LDP, Mahathir menulis artikel mengenai “*the lesson from Japan*”. Beliau melihat peristiwa tersebut sebagai bukti yang rakyat tidak lagi peduli mengenai pengorbanan parti-parti yang mendapatkan kemerdekaan dan menyatakan UMNO juga sedang berhadapan dengan masalah yang sama iaitu tamak, bongkak, hilang sentuhan dengan rakyat dan korupsi yang meluas.<sup>40</sup> Pandangan Mahathir ini bagaimanapun merupakan sesuatu yang lebih berupa *self-serving*. Berhubung korupsi umpamanya, ia adalah satu konsensus yang diterima meluas bahawa korupsi merebak dengan meluas di bawah pentadbirannya. Josh Hong, kolumnis beberapa media alternatif Malaysia umpamanya menganggap Malaysia merupakan “*a state under construction*” di bawah pemerintahan Mahathir. Beliau turut membandingkan obsesi Mahathir terhadap parti LDP Jepun:

*New buildings were mushrooming regardless of their eventual occupancy, while contracts were constantly being churned out by UMNO to plaster the country with roads, highways and bridges to nowhere. Perhaps I should also mention bus stops that no buses pass by. This was exactly how the Liberal Democratic Party (LDP) had been ruling Japan until it was routed in the general election last September...For years, Mahathir was fascinated by the LDP's firm hold on power, and secretly hoped to replant the model in Malaysia. His party ended up exactly where the LDP has been over the last few decades: plagued with cronyism and factionalism.*<sup>41</sup>

Selain Mahathir, pengaplikasian pengajaran dalam konteks yang sempit ini turut ditonjolkan oleh anaknya, Mukhriz. Pada Mac 2009 iaitu sebelum kejatuhan kedua LDP, Mukhriz merujuk kepada kejatuhan LDP pada 1993. Beliau menyebut adalah satu yang menakutkan jika UMNO gagal untuk berubah dan boleh melalui nasib yang sama seperti parti-parti LDP, Kongres India, Tories UK dan KMT. Tapi dalam perbualan yang sama, Mukhriz turut mengkritik apa yang disifatkan “pemikiran Barat” yang cuba diamalkan UMNO di bawah kepimpinan Abdullah seperti keterbukaan dan ketelusan yang dianggap tidak diperlukan berbanding pengukuhan ekonomi dan kestabilan politik.<sup>42</sup>

Rosol Wahid yang merupakan bekas Setiausaha UMNO Negeri Terengganu turut menyentuh mengenai kejatuhan LDP 2009 sebagai “berita haru”. Beliau melahirkan rasa bimbang kerana rakyat Jepun menumbangkan LDP yang telah menabur jasa yang “tidak terhitung”. Menurutnyanya lagi:

Saya bersebang dengan orang muda dan belia... kenapa mereka kurang berterima kasih kepada kerajaan yang banyak berbudi kepada mereka...jawapan mereka sama dan konsisten...‘bina jalan, bina sekolah, buat jambatan dan baiki infra...itu memang tugas dan kewajipan kerajaan’. Di Korea kata mereka kerajaan mereka juga buat apa yang di buat oleh BN di Malaysia. Malah lebih hebat lagi... begitu juga Kerajaan Jepun yang baru kalah itu... Sama juga dengan kerajaan China...Apa yang kita cari sekarang ialah pemimpin yang ada integriti, amanah dan boleh ‘*get along*’...<sup>43</sup>

Sekali lagi Rosol menggunakan justifikasi budi bagi melahirkan kehairanannya mengapa rakyat Jepun menolak LDP. Jelas dalam tulisannya, budi membangunkan negara disarankan menjadi sebab mengapa pengundi harus menyokong BN-UMNO.

Penimbaan pengajaran politik yang sempit turut dilakukan oleh *Utusan Malaysia*. Lima hari selepas tewasnya LDP, wartawannya Mohd Khuzairi Ismail mengulas mengenai apa yang dianggapnya sebagai revolusi politik Jepun. Walaupun memuji perkembangan tersebut sebagai melambangkan kematangan demokrasi, Mohd Khuzairi lantas memberikan penyederhanaan bahawa isu-isu yang menyelubungi LDP sangat berbeza dengan UMNO. Jepun menurutnya merupakan negara maju dan tidak lagi memerlukan kemudahan asas dan pembangunan fizikal. Hal ini menurutnya berbeza dengan Malaysia yang memerlukan pemerintah yang kuat untuk terus membasmi program kemiskinan. Hujah ini menyarankan bahawa politik pembangunan yang seringkali menjadi instrumen utama UMNO dalam mendapatkan sokongan harus diteruskan. Namun hujah beliau yang lebih klise ialah hakikat bahawa Jepun terdiri dari satu bangsa berbanding komposisi perkauman Malaysia yang lebih mencabar.<sup>44</sup>

Seorang lagi wartawan *Utusan* yang menyentuh mengenai kekalahan LDP ialah Ku Seman Ku Hussein. Pada 13 Mei 2012 iaitu pada sambutan ulangtahun UMNO ke-66 yang disambut secara besar-besaran, Ku Seman mengkritik pihak yang menyamakan UMNO bakal mengikuti jejak LDP kerana telah melepasi tempoh 50 tahun berkuasa sebagai “dangkal” dan “provokasi murahan”. LDP menurutnya menerima nasib malang kerana faktor-faktor yang tidak sama dengan masalah UMNO dan salah satunya kerana LDP tidak mendengar suara rakyat meminta perubahan, menjadi begitu elit dan membiarkan gergasi-gergasi korporat menjadi penyumbang utama parti. Tetapi UMNO menurutnya sentiasa berubah dan menerima kritikan dengan

mengambil contoh permohonan maaf Najib kepada rakyat dan janjinya untuk melakukan perubahan.<sup>45</sup>

Ulasan berbentuk *self-serving* dari kedua-dua wartawan *Utusan Malaysia* ini agak berbeza dengan seorang kolumnis akhbar *New Straits Times*, John Teo. Walaupun menulis dalam sebuah lagi akhbar yang dikuasai kepentingan UMNO, NST merupakan instrumen Bahasa Inggeris yang lazimnya dibaca oleh golongan kelas menengah. Menulis selepas dua bulan kejatuhan LDP, John Teo membandingkan UMNO dengan parti dominan seperti Parti Kongres India, KMT dan juga LDP. Beliau mengingatkan fakta bahawa parti-parti dominan “*can only effectively and meaningfully reform and re-energise themselves after having tasted loss of power seperti KMT dan Parti Kongres India*”. Tapi LDP dan KMT menurutnya “*did not quite have it in their genes to deliver both political and economic accountability to the satisfaction of their voters, to enable them to continue governing uninterrupted*”. Teo mengemukakan jangkaan bahawa UMNO akan turut menerima nasib yang serupa dengan LDP dan KMT jika mereka tidak sanggup mengambil “*necessary, even painful, national reforms*” seperti membuka keahliannya untuk semua rakyat Malaysia dan menjadi lebih inklusif dalam mendapatkan sokongan bukan Melayu.<sup>46</sup>

Tempat paling baik bagi meneliti sama ada pengajaran dari kejatuhan LDP diterjemahkan dengan baik oleh Najib dan UMNO ialah dengan melihat perkembangan dua tahun sebelum berlangsungnya PRU-13. Dalam perhimpunan BERSIH 2.0 yang berlangsung pada Julai 2011, kritikan meluas dilemparkan terhadap kerajaan berhubung pendekatan kerasnya dalam menangani BERSIH 2.0. Lebih tidak difahami apabila kerajaan juga melakukan tindakan dangkal dengan menapis majalah *The Economist* versi bercetak yang membuat liputan berhubung perhimpunan tersebut. Bagi memulihkan imejnya, Najib bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Terpilih Parlimen untuk meneliti reformasi sistem pilihan raya. Tidak sekadar itu, Najib juga mengumumkan pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan melonggarkan beberapa undang-undang kawalan lain. Namun reformasi ini tidak dapat diterjemahkan dalam praktiknya apabila ia ditenggelamkan oleh beberapa isu besar seperti penggunaan strategi perkauman yang diperjuangkan oleh elemen konservatif seperti kumpulan PERKASA dan akhbar *Utusan Malaysia* (contohnya dakwaan DAP ingin menubuhkan negara Kristian), isu pinjaman RM250 juta membabitkan keluarga Shahrizat Jalil, pendekatan hukuman yang dilaksanakan oleh birokrat terhadap aktivis pelajar dan gertakan terhadap beberapa organisasi masyarakat sivil (CSO) yang menerima dana asing atas dakwaan cuba melakukan pertukaran rejim.<sup>47</sup> Najib yang sebelum ini mengkritik “politik pembinaan” juga bersetuju terhadap pembinaan dua pencakar langit iaitu Warisan Merdeka dan Tun Razak Exchange. Tony Pua, anggota DAP berhujah bahawa projek Tun Razak Exchange membayangkan yang kerajaan tidak “belajar dari kesilapan masa lalu” dengan merujuk kepada

beberapa projek mega seperti E-Valley, E-Village dan Multimedia Super Corridor (MSC) yang kini mengalami ketidaktentuan.<sup>48</sup> Selain itu, hubungan politik dan perniagaan juga terus dimanifestasikan secara implisit dalam kontroversi pelaburan pengambilalihan Tanjong Energy Holdings Sdn. Bhd. (Tanjong Energy) oleh syarikat pelaburan kerajaan, 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) bernilai RM8.5 bilion pada Mac 2012.<sup>49</sup>

Menjelang PRU-13, Najib juga terus menyajikan rakyat dengan berbagai-bagai insentif kewangan dan sogokan lembut dalam mendapatkan sokongan. Bridget Welsh menganggarkan bahawa BN membelanjakan anggaran RM100 billion bagi kempen PRU-13.<sup>50</sup> Konsep kesederhanaan yang dicanangkan Najib menerusi 1Malaysia dan wasiatyah turut direncanakan apabila BN mencalonkan dua ahli PERKASA seperti Zulkifli Nordin dan Ibrahim Ali untuk mewakili gabungan parti tersebut. Namun, biarpun prestasi BN terus mengalami kemerosotan dalam PRU-13 iaitu dari 140 ke 133 kerusi, kerusi UMNO mengalami peningkatan ketara sebanyak 23% iaitu dari 79 kerusi pada PRU-12 ke 109 kerusi pada PRU-13. Ia juga berjaya menawan semula negeri Kedah yang berada di bawah pemerintahan PAS. Perkembangan dari bermulanya era Najib sehinggalah ke PRU-13 yang lalu menyaranakan yang apabila UMNO cuba berjinak dengan idea liberalisasi dalam PRU-12, parti itu didapati berada dalam keadaan tergugat. Namun PRU-13 yang didominasi oleh konservatisme politik, agama dan perkauman ternyata meningkatkan populariti UMNO di kalangan penduduk luar bandar yang menjadi pangkalan utama sokongannya.<sup>51</sup>

## **UMNO Pasca PRU-13 dan menghadapi PRU-14**

Sejajar dengan aliran pengundian dalam PRU-13, pasca PRU-13 menjadikan Najib terpaksa melakukan proses penyeimbangan terhadap golongan konservatif Melayu yang mengekalkan beliau di tangga kekuasaan. Sokongan implisit UMNO terhadap pelaksanaan hudud di Kelantan juga dilihat sebagai cubaan parti pemerintah tersebut untuk kembali semula kepada budaya politik lama yang berasaskan nilai-nilai komunal. Akta Hasutan yang dijanjikan beliau untuk dihapuskan terus dikekalkan dan sepanjang 2014, sejumlah 18 individu disiasat di bawah Akta Hasutan, 13 didakwa dan tiga lagi disabitkan dengan kesalahan. Menimbal pengkalan akta ini ialah penggubalan Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) yang dianggap rang undang-undang paling kontroversi berikutan elemen perundangan di dalamnya hampir mirip dengan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA- yang dimansuhkan pada 2011<sup>52</sup>

Pemerintah juga kelihatan semakin terputus realiti dari rakyat berikutan pengenalan cukai GST dan juga kenaikan kos sara hidup. Jika sebelumnya, Najib mengingatkan bahawa punca kejatuhan parti dominan adalah kerana parti tersebut tidak sensitif dengan jerih-perih rakyat, hal yang sama tidak dapat ditangani dengan baik oleh pemerintah. Memburukkan

keadaan ialah kenyataan-kenyataan dari pemimpin-pemimpin UMNO berhubung kaedah menangani kenaikan kos sara hidup seperti “harga barang akan turun dengan pengenalan GST”, “menyeru rakyat melakukan dua kerja”, “penurunan harga kangkung” dan “menggesa graduan menganggur menjual nasi lemak dan membawa Uber”. Bukan sahaja kenyataan-kenyataan seperti ini dipertahankan namun tidak ada sesiapa dalam kalangan menteri atau pemimpin UMNO yang cuba menjadi suara naluri kepada rakyat. Pada masa golongan bawahan merasai keperitan-keperitan ini juga, dakwaan-dakwaan mengenai gaya hidup isteri beliau, Rosmah Mansor terus kedengaran dan membingkaikan dua sisi berbeza antara golongan bangsawan seperti Najib dan rakyat terbanyak. Pandangan dan naratif mula menjadi sehalu dan ketiadaan kritikan konstruktif jelas dirasakan. Dengan Najib yang enggan menjawab sebahagian besar isu-isu yang dibangkitkan, tugas ini diserahkan kepada suara-suara seperti Salleh Keruak, Rahman Dahlan, Noh Omar, Azeez Rahim, Nazri Aziz dan termasuklah pegawai khas Rosmah, Rizal Mansor yang seringkali lebih menjengkelkan rakyat. Lebih mengecewakan, suara-suara progresif seperti Khairy Jamaluddin, Nur Jazlan dan Shahrir Samad turut gagal menjadi suara penimbal dalam isu-isu penting. Media perdana tidak langsung cuba menongkah arus dengan menyuarakan isu-isu yang dilihat dekat dengan rakyat. Majlis Profesor Negara (MPN) yang ditubuhkan pada era Najib turut berubah menjadi sayap intelektual UMNO-BN serta hanya mengeluarkan pandangan-pandangan yang mempertahankan status-quo dan menjustifikasikan setiap kritikan yang dilemparkan terhadap kerajaan.

Kemuncak terhadap kesilapan Najib ialah apabila beliau mengambil ringan isu IMDB dengan memecat Timbalan Perdana Menteri, Muhyiddin Yassin dan juga bekas Menteri Besar Kedah, Mukhriz Mahathir serta menggantung Naib Presiden, Shafie Apdal. Tindakan ini mengukuhkan lagi persepsi bahawa kerajaan cuba menyembunyikan salah laku yang berlaku selepas penamatan serta merta khidmat Peguam Negara, Abdul Gani Patail yang ditugaskan menyiasat kes IMDB tidak lama sebelum itu. Pembersihan segera nama Najib oleh Peguam Negara yang baru dilantik, Apandi Ali lebih menyerlahkan sisi negatif tindakan tersebut. Namun tindakan keterlaluan seperti ini masih gagal menimbulkan sebarang suara penentangan dari dalam kerajaan atau UMNO. Seperti yang diimbangi Khairy selepas keputusan PRU-14, detik pemecatan tersebut sewajarnya menjadi saat di mana beliau dan rakan-rakan lain dalam UMNO bersuara. Namun hal ini gagal dilakukan kerana UMNO menurutnya “delusi” dan “mabuk”.<sup>53</sup> Turtut menerima nasib yang serupa ialah beberapa pegawai tinggi SPRM yang terpaksa bersara kerana kelihatan tidak mampu lagi menongkah arus dalam penyiasatan IMDB. Ini termasuklah Ketua Pesuruhjaya SPRM, Abu Kassim Mohamed dan juga Gabenor Bank Negara, Zeti Azizi. Di pihak media perdana, wartawan *Utusan Malaysia*, Ku Seman Ku Hussein dan juga Pengarang *New Straits Times*, Mustapha Kamil juga meletakkan jawatan apabila kehilangan suara naluri



untuk terus mempertahankan kerajaan dalam isu 1MDB.<sup>54</sup> Istilah kleptokrasi yang barangkali diperkenalkan pertama kalinya di domain umum Malaysia oleh sarjana, Syed Farid Alatas pada 1999<sup>55</sup> kembali mendapat perhatian bagi menggambarkan imej Malaysia di peringkat antarabangsa.

Bagi menimbal ura-ura mengenai tsunami Melayu yang dilaporkan akan berlaku, naratif pertukaran rejim dari usaha pihak luar terus dimainkan pemerintah sebagai strategi pelencongan. Maria Chin ditahan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (SOSMA) atas dakwaan bahawa pertubuhan BERSIH yang dipimpinnnya menerima dana asing dari Open Society Foundation (OSF) yang dinaungi George Soros. Turut dinamakan terlibat dalam revolusi berwarna yang bakal dilakukan ialah organisasi masyarakat sivil seperti *Malaysiakini*, Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) dan Majlis Peguam.<sup>56</sup> Tidak sekadar itu, tokoh berintegriti tinggi seperti Abu Kassim dan Zeti Azizi turut dinamakan pula sebagai konspirator bersama dalam cubaan menjatuhkan kerajaan apabila berkomplot dengan Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI).<sup>57</sup> Malah, Nur Jazlan - pemimpin progresif dan kritikal sewaktu berada di luar koridor kuasa dan memimpin PAC tetapi berubah warna selepas dilantik sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri oleh Najib - turut menuduh syarikat penerbangan, Cathay Pacific terlibat dalam usaha pertukaran rejim apabila syarikat tersebut memberi pelepasan terhadap yuran tempahan semula bagi penerbangan berkaitan PRU-14.<sup>58</sup> Berbeza dengan gerakan masyarakat sivil pro-demokrasi, gerakan masyarakat sivil pro-UMNO seperti Gerakan Baju Merah pula dibiarkan tanpa sebarang tindakan walaupun terlibat dengan aktiviti-aktiviti agresif seperti mengganggu konvoi BERSIH 5, mengganggu pejabat *Malaysiakini* dan memecahkan botol arak di hadapan bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Tiada kecaman diberikan kepada pimpinnya, Jamal Md Yunus oleh pemimpin UMNO malah tindakan-tindakan seperti ini adakalanya mendapat pembelaan dan sanjungan dari parti yang diwakilinya.

Pada penghujung 2016, krisis legitimasi UMNO dirasakan di mana-mana. Malah, ia mendorong sekumpulan sarjana menerbitkan buku dengan tajuk provokatif "*The End of UMNO?*".<sup>59</sup> Buku ini bagaimanapun dikritik oleh seorang sarjana perdana yang diketahui sering menimbulkan polemik picisan sebagai mempunyai "agenda jahat".<sup>60</sup> Menjelang PRU-14, menu manipulasi yang seringkali digunakan pemimpin autoritarian atau semi-autoritarian terus menjadi pilihan Najib, UMNO dan BN. Akta Anti-Berita Tidak Benar diluluskan walaupun menerima bantahan meluas. Pendaftaran parti yang dipimpin Mahathir, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) pula dinafikan oleh Pendaftar Pertubuhan (ROS). Suruhanjaya Pilihan raya (SPR) pula seharusnya menyalahkan diri sendiri apabila merangka persempadanan semula yang partisan dan berat sebelah dan seolah-olah membenarkan persepsi-persepsi negatif yang selama ini sering dilontarkan terhadap badan pilihan raya itu. Tidak sekadar itu, tarikh pengundian dipilih

pada hari bekerja iaitu Rabu dan seterusnya meningkatkan lagi tanggapan bahawa pemerintah sedaya upaya cuba mengekang tsunami Malaysia dari berlaku. Kempen UMNO dan BN dalam PRU-14 pula terus didasarkan kepada naratif dan kaedah lama. Selain penaburan projek-projek pembangunan segera seperti lazimnya, “retorik mengenang budi” - yang sebelumnya banyak diujarkan oleh pemimpin UMNO pasca kejatuhan LDP - terus menjadi pilihan. Selepas PRU-14, calon Parlimen Titiwangsa Johari Abdul Ghani membuat pengakuan bahawa salah satu andaian salah yang dilakukan UMNO dalam PRU-14 ialah mempercayai bahawa rakyat Malaysia akan berasa terhutang budi selama-lamanya dan akan mengembalikan BN ke tampuk kuasa.<sup>61</sup> Sehingga ke malam sebelum berlangsungnya pilihan raya, Najib terus cuba memikat rakyat Malaysia dengan kaedah sempit seperti pengecualian cukai pendapatan pada golongan muda bawah 26 tahun, pelepasan tol selama lima hari untuk Hari Raya Aidilfitri dan cuti peristiwa selama dua hari jika BN dikembalikan sebagai pemerintah.

## Kesimpulan

Setiap parti dominan yang tewas akan belajar dari kekalahan dan prinsip ini menjadi sebab untuk kebangkitan semula parti-parti dominan yang pernah tewas seperti KMT, PRI dan LDP. Artikel ini menganalisis aplikasi UMNO terhadap konsep pengajaran dan pembelajaran politik dalam konteks ketewasan pertama kali parti dominan itu dalam PRU-14. Ia mengemukakan hujah bahawa walaupun hanya tewas sepenuhnya pada 9 Mei 2018, isyarat dan mentaliti tewas itu telah muncul 20 tahun sebelum itu dengan keputusan PRU 1999 yang memunculkan era politik baharu. Namun sebagai sebuah parti konservatif, UMNO mengabaikan isyarat-isyarat tersebut atas keperluan untuk mengekalkan dominasinya. Biar pun beberapa pengenduran dan reformasi institusi dilakukan sejak era Abdullah, sebahagian besarnya gagal diterjemah dengan baik berikutan kegagalan mengaplikasi pembelajaran dan pengajaran politik. Seperti yang dirumuskan oleh Khairy:

Perlembagaan dan pemilihan UMNO diubah menjadi lebih demokratik dan sebagainya. Tetapi budaya UMNO masih lagi tak berubah. Budaya feodal, budaya mewah, budaya angkuh, budaya sombong, budaya yang tidak berani bersuara kepada pemimpin sehingga kami semua membuat kesilapan yang besar.<sup>62</sup>

UMNO dan dalam takat yang besar, Najib seharusnya menyalahkan diri sendiri kerana mereka telah dibentangkan dengan berbagai pengajaran dari pengalaman sejak 1999 dan pengalaman kejatuhan parti-parti dominan yang lain. Khusus dalam hubungan ini ialah kejatuhan LDP Jepun pada 2009

yang banyak dianalogi dan dideduksikan oleh pemimpin-pemimpin UMNO termasuklah Najib sendiri. Analisis bagaimanapun mendapati pengaplikasian ini lebih dilakukan sebagai kegunaan umum, di permukaan, sempit dan tidak menepati konteks sebenar yang diperlukan dalam UMNO. Antaranya menggunakan kejatuhan parti-parti dominan yang lain sebagai model untuk meneruskan perubahan tetapi perubahan ini bukan berbentuk progresif tetapi dalam bentuk yang retrogresif, menggunakan kejatuhan parti-parti dominan yang lain sebagai proses menanamkan politik ketakutan, tidak menjadikan kejayaan reformasi yang dilakukan oleh pemimpin reformis hebat dari Jepun iaitu Koizumi sebagai sandaran dan inspirasi dan memperkatakan mengenai pengajaran dan sebab kekalahan parti-parti dominan tetapi tidak menterjemahkan pengajaran tersebut ke dalam tindakan politik. Fakta yang lebih penting, ia adalah Najib sendiri yang banyak merujuk kepada kekalahan dan mendeduksikan sebab kejatuhan LDP namun memusing semula gesaan-gesaan tersebut pasca PRU-13. Seperti juga peringatan Arthur Schelsinger mengenai pemusingan diktum Santayana, Voltaire telah mengingatkan yang “*the only lesson one can learn from history is that the people never learn from history*”.

#### Nota Akhir

1. Arif Atan, Kubu Umno runtuh, 26 kerusi Parlimen Felda dimenangi PH, Pas, 2018.
2. Koh Jun Lin. Umno menang 41 parlimen tanpa majoriti mudah, 2018.
3. Baharom Mahusin, Janji perjuangan 1,000 tahun yang menghampakan, 2018.
4. Duverger. 1963. *Political Parties: Their Organization and Activity in the Modern State*, 1963, hlm. 312.
5. Friedman & Wong, “Learning to lose? Dominant parties, dominant party systems, and their transitions”, 2008, hlm.1-2.
6. Bermeo, “Democracy and lessons of dictatorship”, 1992, hlm.274.
7. May, “*Lessons*” of the past: *The use and misuse of history*, 1973.
8. Jervis, *Perception and misperception in international politics*, 1976.
9. Houghton, “The role of analogical reasoning in novel foreign-policy situations.”. 1996, hlm. 525; Petraeus, “Lesson of history and lessons of Vietnam”, 1986, hlm. 44
10. May. 1973. “*Lessons*” of the past: *The use and misuse of history*. Hlm.xi, 179; Jervis. 1976. *Perception and misperception in international politics*. Hlm. 217-218, 281-282; Petraeus. 1986. “Lesson of history and lessons of

- Vietnam”. Hlm.44-45; Khong, Yeun Foong. 1992. *Analogies at War: Korea, Munich, Dien Bien Phu, and the Vietnam decisions of 1965*, hlm.12.
11. Loh & Saravanamuttu (pnyt.), *New politics in Malaysia*, 2003.
  12. Funston. 2000. “Malaysia’s Tenth Election: Status Quo, Reformasi or Islamization? ; Case. 2001. “Malaysia’s General Elections in 1999: A Consolidated and High-Quality Semi-Democracy”.
  13. Dipetik dari Suh & Ranawana, *Damage Control*, 1999.
  14. “Pemimpin MT UMNO Perlu Bersedia Terima Kritikan”, *Utusan Malaysia*, 12 Mei 2000.
  15. “Rope in ACA, police to combat money politics”, *New Straits Times*, 13 Mei 2000.
  16. Frederick. 2002. *Standing their ground: Will the Young Turks Revolutionize Japanese Politics?; “Koizumi: Twilight of a Reformer?”*, 18 November 2001, <http://www.businessweek.com/stories/2001-11-18/koizumi-twilight-of-a-reformer> [11 Jun 2012].
  17. Aziz Ishak, *Cabaran politik nasional*, 2003.
  18. Abdullah Ahmad Badawi, *Wawancara: Pemimpin Perlu Bersih*, 1993.
  19. Abdullah Ahmad Badawi, *Managing Success*, 2003.
  20. Muhamad Takiyuddin Ismail, *Saga Neokonservatif: Abdullah Badawi, UMNO dan Konservatisme*, 2014.
  21. Pillai, *The uncertain Pak Lah transition looms large*, 2003.
  22. Dipetik dari M. Bakri Musa, *Looking For Some Jantans*, 2007.
  23. Gan, *An incompetent, not-so-nice guy*, 2007.
  24. Mauzy & Barter, “Learning to lose? Not if UMNO can help it, 2008, hlm. 211.
  25. Fauwaz Abdul Aziz, *Pak Lah: We’ve learned our lesson*, 2008.
  26. Muhamad Takiyuddin Ismail, *Saga Neokonservatif*, 2014, hlm. 212.
  27. Tay Tian Yan & Lim Sue Goan, *Exclusive Interview With PM: An Epilogue*, 2008.
  28. Khairy Jamaluddin, *Time for a makeover*, 2009, hlm. 48.
  29. “Musa Hitam mahu generasi muda dalam kepimpinan UMNO”, *Bernama*, 22 Oktober 2008, <http://www.malaysia-today.net/2008/10/22/musa-hitam-mahu-generasi-muda-dalam-kepimpinan-umno/> [9 Ogos 2018].
  30. Muhamad Takiyuddin Ismail, *Saga Neokonservatif*, 2014,

- hlm. 216.
31. “Najib promises a transparent and accountable government”, *The Star*, 10 April 2009.
  32. “FOCUS: Will Malaysia’s ruling party follows Japan’s LDP out?”. *Kyodo News International*, 5 September 2009,
  33. Dipetik dari “Juara Rakyat Programme Returns To Win People’s Heart”. *Utusan Malaysia Online*, 10 Januari 2010, [http://www.pmo.gov.my/?menu=newslist&news\\_id=981&news\\_cat=13&page=1731&sort\\_year=2010&sort\\_month=\[9 Januari 2013\]](http://www.pmo.gov.my/?menu=newslist&news_id=981&news_cat=13&page=1731&sort_year=2010&sort_month=[9 Januari 2013]).
  34. Shahanaz Habib, More must be done to change Umno. *The Star*, 13 Mei, 2010.
  35. Dipetik dari Teh Eng Hock, It’s not the time to relax, says Najib, 2010.
  36. Dipetik dari “Najib cadang Model Politik Baru bagi kelangsungan UMNO”, *Utusan Malaysia*, 17 Oktober 2010.
  37. Dipetik dari “Serve without expecting a reward, says Najib”, *New Straits Times*, 9 November 2011.
  38. Najib Razak, Full transcript of Bernama interview with Najib., 2011.
  39. Kono, Haiboku no Kenkyuu [A study of defeat], 2010.
  40. Mahathir Mohamad, The lesson from Japan, 2009.
  41. Josh Hong, Fascinated by Japan, but fixated on the West, 2010.
  42. Mukhriz Mahathir, Being Mahathir’s son, 2009.
  43. Rosol Wahid, Merdeka Ke 52...Dan Tumbangnya LDP Jepun, 2009.
  44. Mohd Khuzairi Ismail, Revolusi Politik Jepun, 2009.
  45. Ku Seman Ku Hussein, UMNO dinamik dan tetap relevan, 2012.
  46. John Teo. 2009. Umno works hard to be the ‘natural’ choice. Cadangan membuka keahlian UMNO kepada semua kaum ini kemudiannya dijadikan manifesto oleh Khairy Jamaluddin sewaktu bertanding merebut jawatan Presiden UMNO pada Jun 2018.
  47. Muhamad Takiyuddin Ismail, *Saga Neokonservatif*, 2014, hlm 217-218.
  48. Lee, KLIFD may fail, warns DAP, 2012.
  49. Ong Kian Ming, “Malaysia in 2010: Resurgent Najib and BN, Stumbling Anwar and PR”, 2011.
  50. Welsh. 2013. GE14 – show me the money”.
  51. Muhamad Takiyuddin Ismail, *Saga Neokonservatif*, 2014, hlm. 2018-219.
  52. Muhamad Takiyuddin Ismail & Amalin Sabiha, “Pasca PRU-

- 13 dan Pembalikan Politik Lama”, 2016.
53. Palansamy, Khairy admits BN ‘delusional, drunk on own Kool-Aid, got carried away’, 2018.
  54. Shakira Buang. 2016. Ku Seman undur, Zam bidas ‘binatang politik’; Lee Seok Hwai. 2016. Former senior editor at Malaysia’s New Straits Times says he quit after soul-searching over 1MDB scandal.
  55. Syed Farid Alatas, “Peranan Negara dan Pembangunan: Ke Arah Sebuah Teori Negara Kleptokratis”, 1999.
  56. “At Umno AGM, Zahid steers task force from 1MDB to ‘yellow revolution’.”. *Malaysiakini*, 3 Disember 2016, <https://www.malaysiakini.com/news/365081> [13 Februari 2017].
  57. “Azwan jaja cerita ‘konspirasi 3 Tan Sri’ ke akar umbi UMNO”. *Malaysiakini*, 20 Ogos 2016, <https://m.malaysiakini.com/news/353078> [11 Ogos 2018].
  58. “Nur Jazlan questions Cathay Pacific’s waiver move”, *The Star Online*. 29 Mac 2018, <https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/03/29/nur-jazlan-questions-cathay-pacific-move/#ocqV7ZcLimOW0TLP.99> [11 Ogos 2018].
  59. Welsh (pnyt.), *The End of UMNO? Essays on Malaysia’s Dominant Party*, 2016.
  60. Kamarul Zaman Yuoff, Agenda jahat penulis The End of UMNO, 2016.
  61. Nabihah Hamid & Muzliza Mustafa, Bekas menteri akui BN silap, percaya rakyat terhutang budi selamanya, 2018.
  62. Khairy Jamaluddin, Ubah secara total, drastik, 2018.

## Rujukan

- Abdullah Ahmad Badawi. 1993. Wawancara: Pemimpin Perlu Bersih. *Utusan Malaysia*, 9 Oktober.
- Abdullah Ahmad Badawi. 2003. Managing Success. 17 Jun, <http://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=paklahtpm&id=3256> [9 Disember 2012].
- Arif Atan. 2018. Kubu Umno runtuh, 26 kerusi Parlimen Felda dimenangi PH, Pas. *Malaysia Dateline*, 11 Mei, <https://malysiadateline.com/kubu-umno-runtuh-26-kerusi-parlimen-felda-dimenangi-ph-pas/>. [9 Ogos 2018].
- Aziz Ishak. 2003. Cabaran politik nasional. *Utusan Malaysia*, 1 Januari.
- Baharom Mahusin. 2018. Janji perjuangan 1,000 tahun yang menghampakan. *Kosmo*, 12 Mei, <http://www.kosmo.com.my/jurnal/janji-perjuangan-1-000-tahun-yang-menghampakan-1.671143> [9 Ogos 2018].
- Bermeo, N. 1992. “Democracy and lessons of dictatorship”, *Comparative Politics*, 24 (3), 273-291.
- Case, W. 2001. “Malaysia’s General Elections in 1999: A Consolidated and

- High-Quality Semi-Democracy,” *Asian Studies Review* 25 (1), 35–55.
- Duverger, M. 1963. *Political Parties: Their Organization and Activity in the Modern State*. New York: John Wiley & Sons Inc.
- Fauwaz Abdul Aziz. 2008. Pak Lah: We’ve learned our lesson, *Malaysiakini*, 10 Mac, <http://www.malaysiakini.com/news/79593> [3 Mac 2010].
- Frederick, J. 2002. Standing their ground: Will the Young Turks Revolutionize Japanese Politics?, 23 Jun, <http://www.businessweek.com/stories/2002-06-23/will-the-young-turks-revolutionize-japanese-politics> [11 Ogos 2012].
- Friedman, E. & Wong, J. 2008. “Learning to lose? Dominant parties, dominant party systems, and their transitions”. Dalam Friedman, E & Wong, J (pnyt.), *Political Transitions in dominant party systems: Learning to lose*, London: Routledge.
- Funston, J. 2000. “Malaysia’s Tenth Election: Status Quo, Reformasi or Islamization?,” *Contemporary Southeast Asia*, 22 (1), 23–59.
- Gan, S. 2007. “An incompetent, not-so-nice guy”. *Malaysiakini*, 27 November, <http://www.malaysiakini.com/editorials/75321> [3 Mac 2010].
- Houghton, D.P. 1996. “The role of analogical reasoning in novel foreign-policy situations.”, *British Journal of Political Science* 26, 523–552.
- Jervis, R. 1976. *Perception and misperception in international politics*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- John Teo. 2009. Umno works hard to be the ‘natural’ choice. *New Straits Times*, 23 Oktober.
- Josh Hong. 2010. Fascinated by Japan, but fixated on the West. 22 Julai, <http://archive.freemalaysiatoday.com/fmt-english/opinion/comment/8231-fascinated-by-japan-but-fixated-on-the-west> [11 Ogos 2018].
- Kamarul Zaman Yusoff. 2016. “Agenda jahat penulis *The End of UMNO*”. Berita Harian, 3 Disember.
- Khairy Jamaluddin. 2009. Time for a makeover. *Off The Edge*, Januari.
- Khairy Jamaluddin. 2018. Ubah secara total, drastik. *Utusan Online*, 20 Mei, <http://m.utusan.com.my/rencana/utama/ubah-secara-total-drastik-1.675856> [12 Julai 2018].
- Khong, Yeun Foong. 1992. *Analogies at War: Korea, Munich, Dien Bien Phu, and the Vietnam decisions of 1965*. Princeton, NJ: Princeton University Press.
- Koh Jun Lin. 2018. Umno menang 41 parlimen tanpa majoriti mudah. *Malaysiakini*, 11 Mei, <https://www.malaysiakini.com/news/424383>. [11 Ogos 2018].
- Kono. T. 2010. Haiboku no Kenkyuu [A study of defeat]. 17 Februari, [www.taro.org/2010/02/post-717.php](http://www.taro.org/2010/02/post-717.php). [14 September 2012].
- Ku Seman Ku Hussein. 2012. UMNO dinamik dan tetap relevan, *Utusan Malaysia*, 13 Mei.
- Lee Seok Hwai. 2016. Former senior editor at Malaysia’s New Straits Times



- says he quit after soul-searching over 1MDB scandal. *The Straits Times*, 7 Jun 2016, <https://www.straitstimes.com/asia/se-asia/former-senior-editor-at-malaysias-new-straits-times-says-he-quit-after-soul-searching>. [11 Ogos 2018].
- Lee, P. 2012. KLIFD may fail, warns DAP. *Free Malaysia Today*, 31 Julai, <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2012/07/31/klifd-may-fail-warns-dap/> [11 Ogos 2018].
- Loh, F.K.W, & Saravanamuttu, J. (pnyt.). (2003). *New politics in Malaysia*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- M. BakriMusa. 2007. Looking For Some Jantans, 8 April, <http://blog.limkitsiang.com/2007/04/08/looking-for-some-jantans/#comment-7730> [12 April 2012].
- Mahathir Mohamad. 2009. The lesson from Japan. 11 September, <http://chedet.cc/blog/?p=319> [9 Mei 2012].
- Mauzy, D.K. & Shane J. Barter, S,J. 2008. "Learning to lose? Not if UMNO can help it". Dalam Friedman, E & Wong, J (pnyt.), *Political Transitions in dominant party systems: Learning to lose*, London: Routledge.
- May, E.R. 1973. "*Lessons of the past: The use and misuse of history*". New York: Oxford University Press.
- Mohd Khuzairi Ismail. 2009. Revolusi Politik Jepun, *Utusan Malaysia*, 4 September 2009.
- Muhamad Takiyuddin Ismail & Amalin Sabiha. 2016. "Pasca PRU-13 dan Pembalikan Politik Lama". Dalam Muhamad Takiyuddin Ismail & Sity Daud (pnyt.). *PRU-13: Kesenambungan Politik Baharu, Kekentalan Politik Lama*. Sintok: Universiti Utara Malaysia Press.
- Muhamad Takiyuddin Ismail. 2014. *Saga Neokonservatif: Abdullah Badawi, UMNO dan Konservatisme*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mukhriz Mahathir. 2009. Being Mahathir's son. *The Nut Graph*, 12 Mac, <http://www.thenutgraph.com/being-mahathirs-son/> [11 Ogos 2018].
- Nabihah Hamid & Muzliza Mustafa. 2018. Bekas menteri akui BN silap, percaya rakyat terhutang budi selamanya. *The Malaysian Insight*. 30 Mei, <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/50958> [11 Ogos 2018].
- Najib Razak. 2011. Full transcript of Bernama interview with Najib. 27 November, <http://www.mysinchew.com/node/66974> [10 Jun 20184].
- Ong Kian Ming. 2011. "Malaysia in 2010: Resurgent Najib and BN, Stumbling Anwar and PR", *Southeast Asian Affairs*, 131-157.
- Palansamy, Y. 2018. Khairy admits BN 'delusional, drunk on own Kool-Aid, got carried away'. *The Malay Mail*, 15 Mei, <https://www.malaymail.com/s/1631040/khairy-admits-bn-delusional-drunk-on-own-kool-aid-carried-away> [11 Ogos 2018].
- Petraeus, D. H. 1986. "Lesson of history and lessons of Vietnam", *Parameter*, XVI, 43-53.

- Pillai, M.G.G. 2003. The uncertain Pak Lah transition looms large, 3 Julai, <http://www.tranungkite.net/lama/c07/pillai425.htm> [6 Julai 2012].
- Rosol Wahid. 2009. Merdeka Ke 52...Dan Tumbangnya LDP Jepun. 2 September, <http://drosol.com/?p=128> [11 Jun 2013].
- Shahanaz Habib. 2010. More must be done to change Umno. *The Star*, 13 Mei.
- Shakira Buang. 2016. Ku Seman undur, Zam bidas 'binatang politik'. *Malaysiakini*, 27 Mac, <https://www.malaysiakini.com/news/335473> [11 Ogos 2018].
- Suh, S. & Ranawana. 1999. Damage Control. *Asiaweek*, 17 Disember.
- Syed Farid Alatas. 1999. "Peranan Negara dan Pembangunan: Ke Arah Sebuah Teori Negara Kleptokratis". *Akademika*, 54 (1), 3-12.
- Tay Tian Yan & Lim Sue Goan. 2008. Exclusive Interview With PM: An Epilogue. 20 Disember, <http://www.mysinchew.com/node/19440>= [11 Ogos 2018].
- Teh Eng Hock. 2010. It's not the time to relax, says Najib. *The Star*, 12 Mei, <https://www.thestar.com.my/news/nation/2010/05/12/its-not-the-time-to-relax-says-najib/> [11 Ogos 2018].
- Welsh, B. 2013. "GE14 – show me the money". *Malaysiakini*, 7 Mei, <https://www.malaysiakini.com/columns/423560> [11 Oktober 2016].
- Welsh, B. (pnyt.). 2016. *The End of UMNO? Essays on Malaysia's Dominant Party*. Petaling Jaya: SIRD.

## Nota Biografi

Muhamad Takiyuddin Bin Ismail ([taki@ukm.edu.my](mailto:taki@ukm.edu.my)) berkelulusan Ph.D dan merupakan Profesor Madya di Program Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau adalah Pendemokrasian dan Pemikiran Politik. Artikel beliau telah diterbitkan dalam jurnal tempatan dan antarabangsa seperti *Kajian Malaysia*, *Japanese Journal of Political Science*, *Asian Survey*, *Pacific Affairs*, *Islam and Christian-Muslim Relations*, *Kyoto Review of Southeast Asia*, *Asian Politics and Policy* dan *Pacific Review*. Buku terbaru beliau yang akan berada di pasaran pada awal 2019 ialah *Bantuan Demokrasi dan Pendanaan Asing di Malaysia: Melewati Pertukaran Regim* (Penerbit Universiti Malaya).